

HARI : SABTU
TARIKH : 23/11/2019
M/SURAT : 8

RON97 turun 4 sen; RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 turun empat sen kepada RM2.66 seliter, manakala RON95 dan diesel masing-masing kekal RM2.08 dan RM2.18 seliter bagi tempoh 23 hingga 29 November ini.

Menurut kenyataan Kementerian Kewangan semalam, berdasarkan pengiraan di bawah formula Mekanisme Penetapan Harga Automatik (APM), harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya masing-masing RM2.36 seliter dan RM2.27 seliter.

"Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk dikekalkan pada RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter sejajar keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan menjaga kesejahteraan ekonomi rakyat.

"Dengan pengekalan harga runcit bagi kedua-dua produk ini, anggaran subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan bagi tempoh 23 hingga 29 November ini berjumlah RM111.56 juta," menurut kenyataan itu.